

**UCAPAN MENTERI KERJA RAYA**  
**DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF**  
**SEMPENA MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA SARAWAK**  
**PADA 16 NOVEMBER 2014**  
**DI HOTEL PULLMAN,**  
**KUCHING, SARAWAK**

Terima Kasih Tuan Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia

**Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob**

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia

**Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Bin Ali**

Pengerusi CIDB Malaysia

Yang Berusaha

**Sr Abdul Latiff Hitam**

Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Holdings

**Yang Berhormat**

**Datuk Ir. Haji Daud Abdul Rahman**

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam),  
merangkap Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur

**Yang Berhormat**

**Datuk Hajah Fatimah Abdullah**

Menteri di Kementerian Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga

**Yang Berhormat**

**Haji Abdul Karim Rahman Hamzah**

Menteri Muda Pembangunan Belia (Bandar)  
Merangkap Menteri Muda Perumahan

Yang Berhormat

**Puan Hajah Syarifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali**

Ahli Dewan Undangan Negeri N.7 Semariang, Kuching

Yang Berusaha

**Encik Merzan Hashim**

Pengarah Negeri, CIDB Sarawak

Yang Berusaha

**Encik Abdul Rahman Ahmad**

Ketua Pegawai Operasi ABM Sarawak

Yang Berbahagia

**Datuk Haji Abang Abdul Wahab Bin Haji Abang Julai**

Datuk Bandar

Dewan Bandaraya Kuching Utara

Para Pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya

Ahli Lembaga Pengarah serta pengurusan CIDB, CIDB Holdings serta Ketua-

Ketua Pegawai Operasi Akademi Binaan Malaysia

dan Ketua-ketua Jabatan.

Dif Kenamaan dan jemputan, para graduan, Ibu bapa, Alumni ABM, Rakan media dan sidang hadirin yang dihormati sekalian.

***Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.***

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah swt kerana atas limpah kurnia-Nya kita semua dapat hadir ke majlis graduasi Akademi Binaan Malaysia pada hari ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan saudara-saudari sekalian kerana telah berjaya menamatkan latihan dan seterusnya memperolehi sijil kecekapan masing-masing hari ini.

2. Sesungguhnya langkah pertama ini merupakan satu titik permulaan kepada masa depan dan kerjaya yang lebih cemerlang seandainya peluang ini dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh saudara-saudari sekalian.

### **Maklumat majlis graduasi**

**Tuan-tuan, puan-puan, hadirin sekalian,**

1. Hari ini kita akan meraikan seramai 100 orang pelatih Abm Wilayah Sarawak yang bakal menerima sijil kecekapan kemahiran masing-masing di dalam tujuh bidang iaitu, Pemasangan Perancah (Scaffolding), Penyaman Udara & Pengudaraan Mekanikal (Air Conditioning & Mechanical Ventilation), Operasi Kren Bergerak (Mobile Crane Operation), Pendawaian Grade 2 (Wireman Grade 2), Chargeman, Lukisan Pelan Senibina (Architectural Drafting) dan Kimpalan (Welding).

2. Saya berasa gembira dan kagum atas usaha dan pencapaian saudara-saudari sekalian yang berasal dari jauh dan sanggup meninggalkan kampung halaman demi menimba ilmu kemahiran untuk terus maju demi kerjaya yang lebih cemerlang.

## **SENARIO KEPENTINGAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI DALAM NEGARA**

1. Malaysia sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, seperti yang digariskan di dalam pelan transformasi ekonomi atau ETP. Industri pembinaan di dalam negara ini juga sedang pesat membangun. Kita semua sedia maklum bahawa industri pembinaan adalah antara penyumbang terbesar dalam perkembangan ekonomi serta pembangunan negara. Industri pembinaan adalah antara penyumbang terbesar dalam perkembangan ekonomi serta pembangunan negara. Pertumbuhan industri pembinaan kini berada di tahap paling tinggi sejak kegawatan ekonomi tahun 1997. Pada tahun lepas, kadar pertumbuhan industri adalah 10.9 peratus, iaitu melepasi pencapaian sektor lain di dalam negara ini. Industri pembinaan dijangka masih lagi berupaya mengekalkan kadar pertumbuhan dua digit pada tahun ini, dengan pertumbuhan setakat pertengahan pertama 2014 sebanyak 14.3 peratus.

3. Jika dilihat dari sudut nilai projek pembinaan juga jumlahnya amat memberangsangkan berikutan pelaburan kerajaan dan syarikat swasta di dalam projek-projek pembinaan di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara. Nilai projek pembinaan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM124 bilion dan setakat September 2014, jumlah nilai projek yang telah direkodkan adalah sebanyak RM69 bilion.

4. Daripada jumlah projek yang dilaksanakan dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, lebih kurang RM3.2 bilion adalah projek-projek pembinaan di negeri Sarawak, di mana 46 peratus adalah projek-projek pembinaan infrastruktur. Oleh itu, saya pasti industri pembinaan di negeri Sarawak ini dapat menyediakan peluang yang luas kepada graduan-graduan ABM pada hari ini. Malah, pembangunan fizikal negara dan negeri Sarawak ini

khususnya memerlukan lebih ramai lagi para pekerja mahir di dalam pelbagai bidang pembinaan. Andai kata, para belia kita tidak digalakkan menceburi bidang teknikal dan vokasional seperti yang ditawarkan di ABM, maka peluang-peluang pekerjaan yang lumayan ini akan terlepas kepada tenaga kerja asing.

## **KEMAHIRAN SEBAGAI KERJAYA**

2. Menurut Jabatan Tenaga Manusia di dalam dokumen Pelan Strategik 2016-2020 menyatakan Kerajaan menyasarkan pengeluaran 33% tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2015 dan 50% menjelang tahun 2020. Bagi suku kedua tahun 2013, peratusan tenaga mahir Negara adalah sebanyak 24.2% daripada keseluruhan 13.2 juta tenaga kerja. Kementerian Sumber Manusia juga menganggarkan Industri Minyak dan Gas di dalam negara ini memerlukan lebih 40,000 pekerja mahir di dalam pelbagai bidang menjelang 2015.

3. Saya difahamkan, CIDB akan menjalankan kajian terperinci mengenai keperluan tenaga mahir di dalam bidang kemahiran pembinaan di negara kita bermula pada tahun hadapan. Kajian ini akan berupaya memberi gambaran tepat tentang keperluan industri supaya dapat dipenuhi oleh Akademi Binaan Malaysia dan juga pusat-pusat latihan bertauliah yang lain.

4. Buat masa ini CIDB Malaysia telah mengenalpasti beberapa bidang berimpak tinggi yang mempunyai permintaan tinggi di dalam industri pembinaan negara. Bidang-bidang tersebut yang kini ditawarkan di ABM adalah; Pemasangan Perancah (Scaffolding), Mekanikal & Elektrikal, Operasi Kren (Crane Operations), Operasi Jentera Berat (**Plant Operations**), **Mekanikal & Elektrikal**, Pemasangan Paip Gas (**Gas Pipe Fitting**), **Kimpalan (Welding)**, **Mengecat & Mencerak (Blasting & painting)**, dan **Non Destructive Test (NDT)**.

Para hadirin sekalian,

5. ABM yang ditubuhkan pada tahun 1997 memainkan peranan penting di dalam mengeluarkan pekerja mahir tempatan untuk berkhidmat dalam industri pembinaan negara. Sejak dari penubuhannya sehingga kini, jumlah pelatih yang telah dilahirkan oleh ABM telah mencapai 286,000 orang, di mana, ABM Sarawak sahaja telah melahirkan 35,000 orang pekerja mahir, iaitu 12 peratus daripada jumlah keseluruhan latihan yang dijalankan oleh ABM di Seluruh Malaysia.

6. Program utama ABM yang menyumbang kepada jumlah angka ini adalah Program latihan kemahiran belia, Program latihan kemahiran personel, Program Akreditasi Kemahiran, Kursus keselamatan & Kesihatan di tapak bina (program kad hijau) serta program-program pengurusan profesional.

5. ABM terus komited dan hasilnya dapat dibuktikan daripada alumni abm yang pada hari ini mempunyai kerjaya yang dengan jumlah pendapatan yang setimpal dengan kemahiran yang diperolehi.

6. Di sini, saya ingin mengambil peluang untuk berkongsi beberapa kisah kejayaan alumni ABM Sarawak. Pertama sekali, Encik **Mohammad Mahadiruddin Semain** yang telah mengikuti kursus painting, scaffolding, penyelenggaraan bangunan, dan drywall di ABM Sarawak. Beliau kini mempunyai syarikat sendiri iaitu Eulogy Construction Company dengan pendapatan syarikat – **mencecah RM20,000 hingga RM30,000 sebulan.**

7. **Nick Adam Haris Valentine** pula telah mengikuti kursus electrical wireman gred 1 & 2 dan kini berjaya membuka syarikat perbekalan pendawaian elektrik sendiri yang didaftarkan dengan nama Teraju N.A Sdn

Bhd. **Pendapatan syarikat beliau adalah sekitar RM10,000 hingga RM20,000 sebulan.**

**8. Bagi Awang Kamaluddin bin Awang Kadri, kursus Drywall level 1 yang pernah diikuti di ABM Sarawak telah mendorongnya untuk membuka syarikat sendiri iaitu AC Bina dengan pendapatan sebulan adalah RM40,000.**

9. Kecemerlangan alumni ABM ini membuktikan bahawa dengan kemahiran, seseorang itu mampu mencapai kejaya yang baik dan boleh dibanggakan, sesuai dengan tema yang dizahirkan oleh ABM iaitu "KEMAHIRAN UNTUK KERJAYA". Saya berharap, kisah-kisah kejayaan Alumni ABM ini akan dapat meniup semangat kepada lebih ramai lagi anak muda dari negeri sarawak mencapai kejayaan seperti Alumni-alumni ABM ini.

10. Berdasarkan pencapaian yang kita lihat di sini, jelas terbukti bahawa selain daripada pencapaian akademik bidang kemahiran berbekalkan kecekalan dan usaha yang gigih juga mampu menjanjikan masa depan dan kejaya yang baik. Kecemerlangan bukan sahaja dapat dicapai oleh mereka yang berjaya di dalam bidang akademik, malah mereka yang lebih cenderung di dalam bidang kemahiran pembinaan juga mampu bersaing dan berdiri sama tinggi seandainya peluang yang diberikan digunakan dengan sewajarnya.

11. Oleh itu, di kesempatan ini, saya ingin menyeru dan menasihatkan kepada saudara-saudari sekalian agar menggunakan kemahiran ini dengan sebaiknya untuk menceburi peluang kerjaya yang bersesuaian. Sesungguhnya peluang kerjaya di dalam industri pembinaan ini terbuka luas dan mampu dicapai sekiranya ada usaha dan kecekalan.



## **PENINGKATAN PROSES LATIHAN DI ABM**

12. Bagi memantapkan silibus atau kaedah latihan, ABM baru-baru ini telah menambah mekanisma baru latihan melalui penggunaan teknologi simulator telah diperkenalkan dalam tred kimpalan (Welding) dan pemanduan jentera berat (Plant Operation).

13. Selain itu ABM juga bekerjasama rapat dengan lebih daripada 50 rakan industri bagi menawarkan latihan-latihan yang relevan kepada keperluan industri dan juga menempatkan peserta yang telah tamat latihan untuk menjalankan latihan praktikal di dalam syarikat-syarikat industri pembinaan yang sesuai.

## **MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

17. Pada hari ini, kita akan melihat beberapa lagi memorandum persefahaman bakal dimeterai bagi meneruskan program usahasama ABM dan Industri di dalam penyediaan latihan yang lebih kompetitif dan efektif. Saya yakin dengan usaha ini akan mampu membuahkan hasil untuk jangka masa panjang sekiranya ianya benar-benar dilaksanakan dengan telus dan ikhlas demi meningkatkan taraf latihan kemahiran untuk industri pembinaan negara.

18. MOU ini merupakan manifestasi kepada ruang kerjasama dan perkongsian kepakaran di antara pemain industri pembinaan utama dengan pihak agensi kerajaan untuk sama-sama membangunkan dan meningkatkan kemahiran modal insan tempatan seiring dengan hasrat menjadi negara membangun berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

## **PENGHARGAAN**

### **PARA HADIRIN SEKALIAN,**

20. Saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas kejayaan saudara-saudari menamatkan latihan di ABM. Sukacita saya ingin menasihatkan kepada saudara-saudari sekalian agar menggunakan peluang dan kesempatan yang telah diberikan untuk menimba pengalaman dan aplikasikan kemahiran yang ada dengan sebaiknya. Sesungguhnya, pencapaian saudara-saudari sekalian bakal menjadi pendorong untuk lebih ramai lagi belia-belia di luar sana untuk mengikuti program seperti ini di masa hadapan.

21. Akhir kata, semoga saudara-saudari sekalian menjadi contoh dan teladan kepada anak watan di luar sana untuk mencari kejayaan sebagai kumpulan tenaga kerja berkemahiran dan berketerampilan positif untuk industri pembinaan negara.

Dengan **lafaz bismillahirrahmanirrahim** saya merasmikan majlis graduasi akademi binaan malaysia wilayah tengah, utara dan timur bagi tahun 2014.

**SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**